

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JPK 325 – KAEADAH MENGAJAR SEJARAH II**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan. Jawab **SOALAN 1** dan **DUA** soalan lain.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

...2/-

**SOALAN WAJIB**

- Alat Bantu Mengajar (ABM), Bahan Bantu Mengajar (BBM) serta Sumber Pengajaran dan Pembelajaran (SPP) adalah penting dalam pengajaran pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Rancang satu persediaan mengajar yang menunjukkan penggunaan ABM, BBM dan SPP secara bestari dengan merujuk kepada isi pelajaran yang dikepikan.

(40 markah)

**Pilih DUA soalan sahaja.**

- Aspek kemanusiaan dikatakan berkait rapat dengan pelajaran sejarah. Buktikan kenyataan di atas dengan mengambil kira TEMA mata pelajaran Sejarah untuk Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

(30 markah)

- Guru sejarah yang mengajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 perlu berkeupayaan mengurus suasana fizikal, emosi dan sosial bilik darjahnya.

- Huraikan bagaimanakah EMPAT (4) variasi rangsangan dapat membantu guru sejarah mengurus bilik darjahnya?

(20 markah)

- Nyatakan LIMA (5) perkara yang perlu dipraktikkan oleh guru semasa perlaksanaan sesi perbincangan sejarah.

(10 markah)

- Penerapan nilai, semangat patriotisme, kesedaran, penghayatan dan pemikiran kritis dapat dilaksanakan melalui Kaedah Kajian Masa Hadapan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah.

- Nyatakan apakah Kaedah Kajian Masa Hadapan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah?

(10 markah)

- Beri SATU (1) contoh bagaimanakah Kaedah Kajian Masa Hadapan dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah Sekolah Menengah Atas.

(20 markah)

- Anda adalah guru sejarah Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- Terangkan DUA (2) jenis penilaian yang dilaksanakan semasa pengajaran sejarah.

(10 markah)

- Bagaimanakah persediaan penilaian sumatif dilaksanakan untuk murid-murid tingkatan berkenaan?

(20 markah)

LAMPIRAN

## Idea Awal tentang Bangsa dan Negara Malaysia

Idea awal tentang bangsa dan negara bermula apabila penjajah British memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946. Orang Melayu telah bangun menentang gagasan ini kerana Malayan Union merupakan satu tindakan

politik penjajah British yang boleh membina-sakan bangsa Melayu. Malayan Union bukan sahaja melenyapkan kekuasaan Raja-Raja Melayu, agama Islam, dan adat resam Melayu, malah pemberian kerakyatan secara *jus soli* kepada orang bukan Melayu adalah dianggap sebagai satu percubaan nekad menghapuskan hak dan kepentingan, serta masa depan orang Melayu.

Pada tahun 1946 orang Melayu masih belum dapat melupakan penderitaan semasa di bawah pemerintahan Jepun, serta peristiwa keganasan Bintang Tiga yang ditaja oleh Parti Komunis Malaya. Pemerintahan zalim selama 14 hari di

sesetengah tempat oleh Bintang Tiga menjadi satu pengajaran bagi orang Melayu. Oleh itu, orang Melayu pada masa itu tetap mempertahankan haknya dan tidak mahu berkongsi negeri dengan kaum pendatang.

Di Semenanjung Tanah Melayu, orang Melayu telah bangun menentang Malayan Union bukan sahaja kerana tidak bersetuju dari segi kandungan perlombagaannya, tetapi juga membantah tentang cara Harold Mac-Michael memperdayakan Raja-Raja Melayu untuk bersetuju melaksanakan Malayan Union. Dalam keadaan yang terdesak dan tertekan, Raja-Raja Melayu tidak menyedari kesan buruk Malayan Union yang boleh menghapuskan kuasa dan kedaulatan baginda semua. Oleh itu, orang Melayu bangkit mempertahankan Raja-Raja Melayu, iaitu satu-satunya lambang maruah bangsa.

Asas pemikiran dan perjuangan untuk mewujudkan satu bangsa dan sebuah negara yang bermaruah dan berdaulat telah dicetuskan oleh seorang pejuang agung negara iaitu Dato' Onn bin Jaafar. Beliau telah mengetuai bangsa Melayu menentang pentadbiran Malayan Union yang hendak diperkenalkan oleh penjajah British. Beliau telah berjaya membangkitkan kesedaran di kalangan orang Melayu tentang maruah, identiti, kebudayaan dan peradaban bangsa Melayu. Dato' Onn telah menghadap dan menggesa Raja-Raja Melayu supaya memulakan upacara perlantikan Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union. Pengaruh beliau yang bertambah kuat dengan sokongan padu daripada orang Melayu telah menimbulkan rasa takut dan bimbang di kalangan pihak British sekiranya Dato' Onn akan terus berjuang menuntut kemerdekaan. Malah beberapa orang bekas pegawai tinggi penjajah British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu juga turut menyuarakan bantahan mereka terhadap dasar Malayan Union itu yang disifatkannya tidak akan membawa perubahan.

Dalam usaha untuk membina bangsa dan negara, ada pihak yang mahukan Tanah Melayu merdeka dan bersatu dengan Indonesia, supaya orang Melayu menjadi kuat dan dapat menentang segala cabaran. Rancangan ini disuarakan dengan lantang oleh Parti Kebangsaan Melayu

Malaya (PKMM) yang meneruskan perjuangan Kesatuan Melayu Muda sebelum Perang Dunia Kedua. Penyatuan kedua-dua buah negara itu dikenali dengan nama Republik Indonesia Raya. Konsep Indonesia Raya ini ditentang oleh kebanyakan orang Melayu terutamanya pemimpin UMNO. Ahmad Boestamam yang mengetuai Angkatan Feimuda Insaf (API) pula menyuarakan perjuangannya untuk mewujudkan sebuah negara yang merdeka menerusi revolusi. Beliau mahukan amalan demokrasi tulen dan negara menguasai ekonomi sepenuhnya di samping mewujudkan keadilan sosial.

Di Sarawak, utusan kerajaan British yang bernama MacBryan juga memutarbelitkan ke nyataan untuk mempengaruhi pembesar-pembesar Melayu Sarawak supaya bersetuju menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahan British. Pembesar Melayu Sarawak yang menjadi ahli Majlis Tertinggi ditawarkan wang

yang dikatakan sebagai tanda ikhlas tetapi akhirnya pembesar itu, khususnya Datu Patinggi Abang Haji Abdillah sedar mereka teripu. MacBryan telah meminta mereka menandatangani dokumen yang dikatakan meninti Raja Brooke berkuasa semula di Sarawak. Tetapi dokumen itu sebenarnya ialah untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Pada umumnya, ahli *Council Negeri* juga tidak bersetuju menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Orang Melayu Sarawak dan diikuti oleh pemimpin kaum Iban telah bangun membantah dan menuntut kerajaan Brooke diteruskan di negeri itu. Datu Patinggi Abang Haji Abdillah telah mengetuai gerakan menentang penyerahan Sarawak kepada kerajaan British dengan disokong kuat oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS). Manakala kumpulan bumiputera lain yang ikut serta menentang penyerahan itu ialah Persatuan Dayak Sarawak (SDA). Walaupun timbul penentangan, kerajaan British tetap mengisyiharkan Sarawak menjadi Tanah Jajahan Mahkota British pada tahun 1946. Dengan itu juga, gerakan menentang penyerahan Sarawak yang di gerakkan oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan Kesatuan Dayak Sarawak juga semakin memuncak. Gerakan menentang penyerahan ini berakhir dengan peristiwa pembunuhan Duncan Stewart. Gabenor Sarawak yang kedua pada tahun 1949.

Di Tanah Melayu, Malayan Union telah mencetuskan gagasan pembinaan negara kita. Penjajah British telah cuba membentuk satu pentadbiran yang amat berbeza dengan dasarnya sebelum Perang Dunia Kedua iaitu menukar taraf dari negeri naungan menjadi negeri tanah jajahan. Perubahan itu dilakukan bukan secara penaklukan tetapi melalui perjanjian yang dimeterai pada tahun 1946. Kerajaan British ingin memastikan supaya pelaburan ekonomi dan kepentingan mereka di negeri ini terus terkawal, iaitu melalui pembentukan kerajaan pusat yang kuat. Bagi mewujudkan negeri berbilang kaum yang bersatu padu, pihak British merancang memberi hak kerakyatan yang sama kepada semua bangsa. Ini bererti kedudukan istimewa orang Melayu sebagai penduduk asal yang selama ini dinikmati oleh

mereka turut berakhir. Selain itu, pihak British juga bertujuan menyatukan sistem pentadbiran negeri-negeri di Tanah Melayu, kecuali Singapura, di bawah pentadbiran Malayan Union. Dengan itu Tanah Melayu akan menjadi Tanah Jajahan Mahkota British dan Raja England sebagai ketua negara. Penyatuan ini menyebabkan Raja-Raja Melayu akan hilang kuasanya dan menggugat kedaulatan bangsa Melayu. Orang Melayu telah bersatu dan menentang gagasan Malayan Union. Walau bagaimanapun, kerajaan British memaksa orang Melayu menerima pentadbiran Malayan Union.